

## **BAB IV**

# **SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM**

## BAB IV

### SUMBANGAN TOKOH DALAM BIDANG PENDIDIKAN ISLAM

Pengembalaan dan perjalanan yang jauh telah ditempuhi oleh almarhum Dato' Haji Ismail dengan berbagai liku dan cabaran demi mempelajari ilmu agama. Hampir 20 tahun beliau meninggalkan keluarga pergi mendalami ilmu agama. Pada tahun 1947 ketika berusia 32 tahun beliau pulang dari tanah suci Mekah dengan membawa segunung ilmu dan pengalaman untuk dicurahkan kepada kaum keluarga dan anak bangsa. Pemergian beliau sebagai menyahut seruan Allah s.w.t :

وَمَا كَانَ الْمُؤْمِنُونَ لِيَتَفَرَّجُوا كَافَّةً، فَلَوْلَا نَفَرَ مِنْ كُلِّ فِرْقَةٍ مِنْهُمْ طَائِفَةٌ لِتَتَعَقَّدَ فِي  
الدِّينِ وَيَتَنَاهِرُوا قَوْمَهُمْ إِذَا رَجَعُوا إِلَيْهِمْ لَعَلَّهُمْ يَخْذَرُونَ .

Surah al-Taubah (11) : 122

Bermaksud : “ *Dan tidaklah (betul dan elok) orang-orang yang beriman keluar semuanya (pergi berperang) ; oleh itu hendaklah keluar sebahagian sahaja dari tiap-tiap puak di antara mereka, supaya orang-orang (yang tinggal) itu mempelajari secara mendalam ilmu yang dituntut di dalam agama, dan supaya mereka dapat mengajar kaum mereka (yang keluar berjuang) apabila orang-orang itu kembali kepada mereka ; mudah-mudahan mereka dapat berjaga-jaga (dari melakukan larangan Allah)* ”.<sup>1</sup>

Terjemahan surah al-Taubah (11) : 122

<sup>1</sup> Sheikh Abdulian bin Muhd Basmeh dan Muhd Noor bin Haji Ibrahim (1990), *Tafsir Pimpinan al-Rahman Kepada Pengertian al-Qur'an*, op.cit, h. 372.

Almarhum sedar bahawa apa yang telah dipelajarinya selama ini haruslah disampaikan dan pendidikan agama yang diterima dari guru-gurunya dulu harus disambung untuk generasi akan datang. Kesungguhan beliau dan ulama' terdahulu mendidik masyarakat Kelantan telah mendatangkan hasil. Masyarakat Kelantan hingga hari ini masih kuat berpegang kepada ajaran Islam adalah hasil perjuangan dan pengajaran yang telah berlangsung dua abad yang lalu.

Dato' Haji Ismail sepanjang hayatnya telah memberi sumbangan yang besar kepada pendidikan Islam di Kelantan. Sumbangan tersebut telah dihargai oleh kerajaan Kelantan melalui Yayasan Islam Kelantan dengan menganugerahkan kepada beliau Tokoh Pendidikan Yayasan Islam Kelantan pada tahun 1985.

Kronologi sumbangan Dato' Haji Ismail dalam bidang pendidikan Islam bermula dari tarikh kepulangan beliau dari Tanah Suci di mana beliau telah membuka pondok kemudiannya menjadi guru di Jamie' Merbau al-Ismaili. Setelah berkhidmat di Jamie' Merbau selama 19 tahun beliau ditugaskan mengajar di Masjid Muhammadi, Kota Bharu. Semasa menjadi guru di Jamie' Merbau beliau sempat bersama-sama dengan Persatuan Guru Agama menubuhkan Maktab Pengajian Islam, Jalan Bayam, Kota Bharu dan pada tahun 1968 beliau dilantik sebagai anggota Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan. Penulis akan cuba membincangkan sumbangan beliau mengikut urutan tahun.

## **1. MEMBUKA PONDOK**

Pada peringkat awal beliau berhasrat untuk membuka pondok di kg. Kelahirannya iaitu di Gong Kemuning, Pasir Puteh. Hasrat tersebut mendapat sokongan dari kelaurga dan masyarakat setempat tetapi oleh kerana beberapa sebab lain yang tidak diketahui beliau berpindah ke kg. Sireh bersama keluarga dan membuka pondok di sana. Lokasi pondok adalah terletak disekitar rumah beliau yang ada pada hari ini.<sup>2</sup> Ramai para pelajar yang belajar di Jamie' Merbau dan Pondok Bunut Payung tingal di sekitar pondok beliau. Almarhum mengajar Hadis dan beberapa ilmu lain di pondoknya di samping mengajar di surau Tok Khurasan.<sup>3</sup>

## **2. MENGAJAR DI JAMIE' MERBAU AL-ISMA'ILI**

Setelah dua tahun mengajar di pondoknya dan surau-surau di sekitar kota Bharu, pada 1hb. Mac 1949 almarhum telah ditugaskan untuk mengajar di Jamie' Merbau al-Isma'ili sebagai guru di peringkat thanawi.<sup>4</sup> Beliau berkhidmat hampir 19 tahun iaitu sehingga 31hb. Disember 1968. Meskipun pondok masih merupakan institusi pengajian Islam yang dominan di Kelantan pada era 1900 – 1957 namun dengan penubuhan Madrasah Muhammadiyah (Melayu) pada 1917 menjadi perintis kepada perkembangan pengajian dalam bentuk sekolah selepasnya.

---

<sup>2</sup> Temuramah dengan Muhammad Yusof bin Leh di rumah beliau di Padang Landak, Besut pada 22hb. April 2002.

<sup>3</sup> Temuramah dengan Ustaz Muhammad bin Jusoh. Imam masjid Kg. Sireh, Kota Bharu pada 23hb. April 2002 di Perkarangan masjid Kg. Sireh.

<sup>4</sup> Temuramah dengan Haji Hiimi bin Haji Ismail. *op.cit.*

Kemuncak daripada sistem persekolahan ini terjadi pada tahun 1937 apabila MAIK menubuhkan Madrasah Muhammadiyah (Arabiah) pada tahun berkenaan.<sup>5</sup> Sekolah ini pada mulanya bertempat di bahagian belakang bangunan pejabat lama MAIK di Jalan Sultan, Kota Bharu. Kemudiannya pada 1hb. Julai 1942, sekolah ini berpindah ke bangunan baru di Jalan Merbau dan bertukar nama menjadi *Jamie' Merbau al-Isma'ili*. Pada 5hb. Januari 1956, sekolah ini bertukar nama lagi menjadi *Maahad Muhammadi* hingga sekaramg.<sup>6</sup>

Pada tahun-tahun sekitar 1940-1960 sistem pendidikan Islam di Tanah Melayu dilanda perubahan apabila ramai para pelajar dari pondok berpindah ke sekolah agama. Disamping itu semangat nasionalisme Melayu yang marak di dalam jiwa para pejuangnya pada penghujung dekad 40-an telah menjadikan sekolah agama sebagai pusat perjuangan rakyat dalam usaha untuk mendapatkan kemerdekaan tanah air.

al-Madrasah al-Muhammadiyah al-Arabiah (nama asal penubuhan) yang dikenali pada hari ini telah ditubuhkan pada hari Khamis, 1hb. April 1937 bersamaan 20hb. Muharram 1356 dengan ampuni perkenan dan titah baginda Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Ismail Ibni Al-Marhum Al-Sultan Muhammad IV<sup>7</sup> dengan dilantik Yang Mulia Tuan Sayid Abu Bakar Al-Attas sebagai guru besar yang pertama. Antara tenaga pengajar yang pertama berkhidmat di Madrasah Muhammadiyah Arabia ialah Sayid Abu Bakar bin Abdullah bin Abdul Rahman Al-

<sup>5</sup> Abdul Razak Mahmud (2002). *Ikhtisar Sejarah Kelantan*. Kota Bharu : Pustaka Aman Press. h. 110.

<sup>6</sup> *Ibid.*

<sup>7</sup> Peraturan Bagi Madrasah Arabia Muhammadiyah (1937). Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Minit Majlis No. 137/1937. h. 2.

Attas, Haji Wan Mahmud Daud al-Makki dan Haji Wan Yusoff bin Haji Wan Hassan.<sup>8</sup>

Setelah beberapa tahun pengajian dimulakan kemasukan pelajar telah bertambah menyebabkan bilik darjah yang sedia ada tidak mampu menampung bilangan pelajar yang semakin besar. Maka pada 1hb. Julai 1942 Madrasah Muhammadiyah telah dipindahkan ke bangunan baru di Jalan Merbau. Dengan perpindahan tersebut Madrasah Muhammadiyah telah dimasyurkan dengan nama "Madrasah Arabiah Jamie' Merbau al-Isma'ili".<sup>9</sup> Bangunan baru ini asalnya adalah asrama Jamie' Merbau al-Isma'ili yang dibina di atas tanah lot no. 56 seluas 3.225 ekar dengan perbelanjaan sebanyak RM 23,320.00 untuk kediaman pelajar yang sedang belajar di pondok masjid Muhammadi.<sup>10</sup>

Pada tahun 1943, beberapa orang ulama' dilantik untuk mengajar secara bergilir-gilir di Madrasah Jamie' Merbau bagi membantu guru yang sedia ada. Mereka ialah Haji Nik Muhammad bin Haji Wan Musa, Tuan Guru Haji Ali bin Awang Pulau Pisang, Tuan Guru Haji Che Saad bin Haji Daud Kangkong, Tuan Guru Haji Nik Abdul Rahman bin Nik Abdullah Khatib dan Haji Mohd Noor bin Haji Ibrahim. Disamping mengajar di Jamie' Merbau mereka juga merupakan tenaga pengajar di pondok Masjid Muhammadi.<sup>11</sup>

---

<sup>8</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997), *Sejarah Maahad Muhammadi 1937-1997*, Kota Bharu : Maahad Muhammadi dan Persatuan Murid Tua, h. 7-9.

<sup>9</sup> *Ibid.* h. 26-27

<sup>10</sup> Abdul Razak Mahmud (1987). "Maahad Muhammadi Lima Puluh Tahun", Majalah *Pengasuk*, Kota Bharu : Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 486, h. 42.

<sup>11</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997), *loc.cit.*

Sejak dari awal penubuhan lagi Madrasah Jamie' Merbau mempunyai satu sukanan pelajaran yang khusus. Penetapan mata pelajaran banyak mengikut model pengajaran yang diajar di pondok-pondok atau halaqat pengajian di Masjid Muhammadi dengan diselit sedikit matapelajaran umum seperti bahasa Inggeris, Sejarah, Geografi, Matematik dan Ekonomi. Apa yang berbeza dari pengajian di pondok ialah pengajaran di Madrasah Jamie' Merbau menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa pengantar. Sistem pengajiannya menggunakan sistem kelas yang bermula dari kelas nought<sup>12</sup> (peralihan), darjah satu hingga darjah sembilan.<sup>13</sup> Penggunaan sistem ini dapatlah dibahagikan kepada dua peringkat.

Peringkat pertama bermula dari 1937-1955, tahun pengajian pada masa itu dapatlah dibahagikan kepada dua bahagian :

- i. Bahagian Ibtidai (darjah 1 hingga darjah 5)
- ii. Bahagian Thanawi (darjah 6 hingga darjah 9)

Dengan sistem pengajian sembilan tahun ini, pada tahun 1946, darjah lima dibuka di mana pelajar yang lulus di dalam peperiksaan akhir tahun akan dianugerahkan sijil tamat pengajian yang diberi nama "Syahadah Ibtidaiah". Syahadah ini dikeluarkan selama 10 tahun iaitu dari tahun 1946 hingga 1955 dan jumlah penerimanya seramai 201 orang.<sup>14</sup>

<sup>12</sup> *Nought* bererti kosong. Digunakan untuk kelas yang bawah daripada darjah satu pada masa dulu.

<sup>13</sup> *Ibid.* h. 28-29

<sup>14</sup> *Ibid.* h. 29-30

Peringkat kedua dari sistem pengajian ini bermula dengan tertubuhnya bahagian al-'Ulā al-Thānawī (darjah enam) pada tahun 1948. Bagi memenuhi keperluan kelas tersebut beberapa tenaga pengajar baru telah diambil. Mereka ialah Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff, Dato' Haji Mohd Noor bin Haji Ibrahim dan Haji Muhammad bin Haji Yusuf To'.<sup>15</sup>

Kemuncak perkembangan sistem pengajian sembilan tahun ini apabila kelas tertinggi al-Rabi' al-Thānawī dibuka pada tahun 1952. Seramai 9 orang telah menjadi pelapor bagi kelas tertinggi itu. Mereka adalah Hassan bin Yusof, Wan Mahmood bin Wan Muhammad, Haji Yahya bin Haji Abdul Salam, Muhammad bin Umar, Haji Abdul Rahman bin Haji Mohd. Salleh, Ahmad bin Abdul Rahman, Hassan bin Haji Ahmad, Hassan bin Abdul Rahman dan Zakaria bin Haji Ismail. Mereka merupakan anak murid sulung kepada almarhum Dato' Haji Ismail.<sup>16</sup>

Mata pelajaran bagi kelas al-Rabi' al-Thānawī yang pertama ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu al-'Ulum al-Diniyyah, al-'Ulum al-'Arabiah dan al-'Ulum al-Riadhiyah yang berjumlah 9 mata pelajaran kesemuanya. al-'Ulum al-Diniyyah mengandungi mata pelajaran Fiqh, Tauhid, Tafsir, Hadis dan Usul Fiqh. Manakala al-'Ulum al-'Arabiah pula mengandungi mata pelajaran Nahu, Balaghrah dan Insya'. al-'Ulum al-Riadhiyah ialah Ilmu Hisab. Semua mata pelajaran ini diajar sebanyak tiga kali seminggu melainkan mata pelajaran Balaghrah dan Ilmu Hisab hanya dua kali seminggu. Tenaga pengajar yang mengajar di kelas al-Rabi' al-Thānawī yang ulung ini terdiri :

<sup>15</sup> Temuramah dengan ustaz Muhammad Yunan bin Mahmood di rumahnya di Kota Bharu pada 25hb. April 2002.

<sup>16</sup> Ibid

- i. Dato' Haji Ismail bin Haji Yusoff mengajar mata pelajaran Nahu, Balaghrah dan Usul Fiqh.
- ii. Dato' Haji Muhd Noor bin Haji Ibrahim mengajar mata pelajaran Fiqh, Tauhid, Tafsir dan Hadith.
- iii. Haji Wan Abdul Rahman Daud al-Makki mengajar mata pelajaran Insya'.
- iv. Cikgu Hamzah Michik mengajar mata pelajaran Ilmu Hisab.<sup>17</sup>

Semasa mengajar di Jamie' Merbau al-Ismaili, Almarhum juga mengajar secara sambilan di sekolah Naim Lil Banat, Kota Bharu sekitar tahun 1960. Di sana beliau mengajar mata pelajaran Hadis dan Mustolah Hadis.<sup>18</sup>

Bermula dari tahun 1952 Jamie' Merbau mula menerima kemasukan para pelajar lepasan sekolah-sekolah agama Arab MAIK yang lain tanpa melalui peperiksaan terlebih dahulu.<sup>19</sup> Dengan kemasukan tersebut bilangan para pelajar telah bertambah dan pada tahun itu bilangannya seramai 230 orang dengan kemampuan sembilan buah bilik darjah. Keadaan ini pastinya memerlukan tambahan prasarana sekolah bagi menampung kemasukan pelajar yang bertambah pada setiap tahun.

Oleh kerana kawasan yang sedia ada tidak lagi mampu menampung bilangan pelajar yang sekian tahun bertambah maka pada tahun 1953, MAIK mula merancang dan membina sebuah bangunan baru di atas tanah seluas 9.927 ekar bersempadan

<sup>17</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997), *op.cit*, h. 37.

<sup>18</sup> Temuramah dengan Prof. Madya Datin Dr. Paizah binti Haji Ismail, pada Shb. Mei 2002 di pejabat beliau di Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

<sup>19</sup> Temuramah dengan Muhammad Yunan bin Mahmood. *op.cit*.

dengan kawasan yang sedia ada. Banguna baru ini mengandungi 26 bilik darjah dan sebuah dewan besar.<sup>20</sup> Dengan pembinaan bangunan baru ini pada 12hb. Mac 1956 dengan rasminya sekolah ini dimashyurkan dengan nama Maahad Muhammadi.<sup>21</sup> Manakala bangunan lama Jamie' Merbau al-Ismai'ili itu dijadikan sebagai Maahad Muhammadi bahagian perempuan.

Pada tahun 1955, dengan cadangan Haji Hassan bin Haji Idris, kurikulum baru bagi Maahad Muhammadi diperkenalkan hingga tahun 1970. Ianya terbahagi kepada 3 bahagian :

- i. Bahagian Ibtidai ( Darjah I – III )
- ii. Bahagian I'dadi ( Darjah IV – VI )
- iii. Bahagian Thanawi . ( Darjah VII – IX )

Almarhum Dato' Haji Ismail telah berkhidmat di Maahad Muhammadi dalam dua era sistem pengajiannya, bermula dengan sistem pengajian sembilan tahun hinggaalah sistem baru yang diperkenalkan pada tahun 1956. Boleh dikatakan hampir semua pelajar lepasan Maahad Muhammadi yang belajar dalam era 50-an,60-an dan 70-an adalah anak murid beliau. Beliau merupakan tokoh perintis bersama dengan beberapa tokoh lain dalam menjayakan pengajian bahagian Thanawi dalam dekad 50-an. Dan apabila kelas sembilan iaitu al-Rabi' al-Thānawī diperkenalkan pada tahun 1952 beliau adalah antara guru yang pertama melahirkan para ulama' yang

<sup>20</sup> Abdul Razak Mahmud (1987), *op.cit.* h. 44.

<sup>21</sup> Pekeliling Majlis Agama Islam Kelantan bil. (5) dlm. m.a 557/55 bertarikh 5hb. Mac 1956.

kemudiannya menjadi penyambung kepada pendidikan Islam di Kelantan dan Malaysia amnya.

Di bawah ini penulis mengemukakan beberapa nama murid Dato' Haji Ismail yang berjaya menyumbangkan jasa bakti mereka kepada umat Islam di tanah air. Kajayaan mereka adalah bukti hasil usaha beliau menyampaikan ilmu pengetahuan dan membentuk generasi pelapis. Antara mereka ialah : Haji Mohd bin Che Wook (Dato'), Raja Zainal Abidin bin Raja Salleh, Yusof bin Yaakob, Ab. Halim bin Ab. Rahman (Dato'), Sulaiman bin Yusoff ( Mufti Kemboja), Muhamad bin Daud, Mohd Shahir bin Abdullah (Datuk), Nik Ab. Kadir bin Nik Mohd, Prof. Dr. Mahmood Zuhdi bin Ab. Majid (Dato'), Ab. Aziz bin Awang Kechil, Mohd. Yunan bin Mahmood, Prof. Madya Mohd. Kamil bin Ab. Majid, Prof. Madya Dr. Sidi Ahmad bin Abdullah, Haji Zainal Abidin bin Abdul Kadir (Dato'), Haji Dasuki Ahmad (Dato'), Prof. Madya Paizah binti Haji Ismail (Datin) dan ramai lagi.<sup>22</sup>

### 3. MENUBUHKAN MADRASAH AL-I'ĀNAH

Tahun-tahun sekitar 60-an merupakan zaman kemuncak perkembangan Maahad Muhammadi. Dengan sistem pengajian baru yang merangkumi matapelajaran agama dan akademik serta guru-guru yang mempunyai kelulusan dari Timur Tengah terutama dari al-Azhar menjadikan Maahad Muhammadi tumpuan bagi pelajar agama di seluruh negeri Kelantan dan luar negara. Dalam tahun 1955, didapati ramai para pelajar yang tidak bernasib baik untuk menyambung pelajaran mereka di Maahad,

---

<sup>22</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997), *op.cit*, h. 385-394.

lebih-lebih lagi pada masa itu penerimaan pelajar baru ke Maahad Muhammadi sangat terhad disebabkan keadaan tertentu.<sup>23</sup>

Di atas rasa keperihatinan terhadap nasib para pelajar yang tidak dapat menyambung pelajaran ke Maahad Muhammadi maka almarhum Dato' Haji Ismail telah menubuhkan sebuah jawatankuasa pengelola yang dipengerusikan oleh beliau sendiri bersama dengan beberapa orang guru Maahad bagi usaha menubuhkan Madrasah al-I'ānah.<sup>24</sup>

Pada peringkat awal penubuhan 60 orang pelajar telah diterima dengan kemampuan dua bilik darjah serta tenaga pengajarnya terdiri dari penuntut Maahad Muhammadi bahagian thanawi yang mengajar secara sukerela. Pada tahun 1965 bilangan pelajar meningkat kepada 250 orang dan gurunya seramai 11 orang.<sup>25</sup>

Madrasah al-I'ānah pada permulaanya menumpang di bangunan Maahad Muhammadi. Dalam usaha untuk memiliki bangunan dan tapak sendiri Madrasah al-I'ānah telah bergabung dengan Maktab Perguruan Islam. Dengan usaha yang dilakukan oleh almarhum Dato' Haji Ismail pada ketika itu merupakan guru besar madrasah tersebut, guru-guru agama, ibu-bapa dan dermawan maka sebuah tapak berharga RM 3,000 berjaya dibeli manakala untuk pembangunannya pula dianggarkan

<sup>23</sup> *Ibid.* h. 46.

<sup>24</sup> Temuramah dengan Ustaz Yaakob bin Haron, guru dan murid tua MPI di SMU(A) Maktab Pengajian Islam, Jalan Bayam, Kota Bharu pada 23hb. April 2002.

<sup>25</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997), *op.cit.* h. 46.

menelan belanja sebanyak RM 12,000 dan akhirnya bangunan baru itu dapat digunakan pada tahun 1967. Lokasi baru itu terletak di Jalan Bayam, Kota Bharu.<sup>26</sup>

Kesungguhan Dato' Haji Ismail dalam mengumpul wang untuk pembangunan sekolah tersebut dapat dilihat di mana beliau telah membuat sebuah Taqwim Hijri-Masihi yang unik yang boleh digunakan mulai tahun 1964 sehingga ke tahun 2005. taqwim yang berbentuk bulat dan dicetak di atas dua helai kertas kad sahaja ini dijual dengan harga 50 sen. Hasil dari jualan itu didermakan untuk tabung pembangunan sekolah.<sup>27</sup>

Pada awal bulan Mac 1968, setelah berlakunya pengabuanan antara Maktab Perguruan Islam dan Madrasah al-l'ānah yang kedua-duanya menumpang di Maahad Muhammadi maka diberi nama baru bagi sekolah tersebut dengan nama Maktab Pengajian Islam (dalam bahasa Arab dinamakan "al-Ma'had al-Dirāsāt al-Islāmiyyah") dan telah didaftarkan secara rasminya dengan MAIK pada 1hb. September 1959 dengan nombor pendaftaran MAIK bil. (6) 62/59 bertarikh 1/9/1959.<sup>28</sup>

Kemudiannya, pada tahun 1973, Madrasah Tarbiah Dusun Raja telah digabungkan dengan Maktab Pengajian Islam menjadikan ianya terus berkembang maju sehinggalah pada 1988, MPI telah diambil alih sepenuhnya oleh kerajaan

<sup>26</sup> Temuramah dengan ustaz Azhar Salleh, Pengetua MPI pada pagi Ahad, 24hb. Februari 2002 di pejabatnya.

<sup>27</sup> Temuramah dengan Ustaz Abdul Razak Mahmud, *op.cit*; Temuramah dengan Haji Hilmi bin Haji Ismail, *op.cit*; Abdul Razak Mahmud (1996) *Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan*, *op.cit*. h. 348.

<sup>28</sup> Sejarai. Ringkas Penubuhan Maktab Pengajian Islam (1996). *Majalah Nuru' Huda*. bil.II. Kota Bharu : SMU(A) Maktab Pengajian Islam. h. iii.

Kelantan dan diletakkan di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan hingga ke hari ini.<sup>29</sup>

Antara tenaga pengajar yang pertama mengajar di MPI ialah : Dato' Haji Ismail bin Yusoff, Haji Hassan bin Haji Mohamad Osman, Haji Hassan Bin Haji Idris, Abdullah bin Yusuf al-Bukhri, Haji Muhammad Zain Ahmad, Arifin bin Awang dan Abdullah Nakula.<sup>30</sup>

Semenjak ditubuhkan pada tahun 1956 hingga ke hari ini, MPI telah ditadbir oleh 14 orang pengetua yang pertamanya ialah :

- i. Dato' Haji Ismail bin Yusoff (1956-1959)
- ii. Haji Hassan bin Othman (1959-1962)
- iii. Haji Hassan bin Haji Idris (1962-1969)
- iv. Wan Muhammad bin Wan Salleh (1969-1972)
- v. Abdullah bin Ungku Chik (1972-1979)
- vi. Ashaari bin Insyak (1979-1983)
- vii. Muhammad bin Noor (1.1.1983-1.8.1983)
- viii. Abdul Rahim bin Soleh (1.8.1983-1985)
- ix. Fauzi bin Ghazali (1985-1991)
- x. Abdullah bin Megat Yaman (1991-1993)
- xi. Muhammad bin Che Ibrahim (1993-1997)
- xii. Abdullah Rawi bin Ismail (1997-1998)

<sup>29</sup> Jawatankuasa Pembangunan Sekolah SMU(A) Maktab Pengajian Islam (1995), (Kertas Kerja Untuk Mendapatkan Tapak Baru Bagi SMU(A) Maktab Pengajian Islam, Jalan Bayam ). h. 3.

<sup>30</sup> Temuraman dengan ustaz Azhar Salleh, *op.cit*.

- xiii. Haji Fauzi bin Haji Ghazali (1998- 2000) dan
- xiv. Azhar bin Salleh (2000-2002).<sup>31</sup>

Pada hari ini MPI menampung bilangan pelajar seramai 1200 orang pelajar yang datang dari dalam dan luar negeri Kelantan dengan bilangan guru seramai 54 orang. Oleh kerana kekurangan bilik darjah bagi menampung bilangan pelajar yang semakin ramai maka pengajian diadakan dalam dua sesi, iaitu sesi pagi bagi tingkatan III, IV, V dan VI manakala sesi petang pula bagi kelas peralihan, tingkatan I dan II.<sup>32</sup>

Untuk melihat kelangsungan MPI diteruskan, almarhum Dato' Haji Ismail sanggup memegang jawatan bendahari sekolah dan sentiasa mengambil berat mengenai perkembangan MPI walaupun beliau tidak lagi berkhidmat dalam bidang pendidikan malah jawatan tersebut disandang olehnya hingga ke akhir hayat.<sup>33</sup>

#### 4. AHLI LEMBAGA PEPERIKSAAN MAIK

Pada usia 54 tahun beliau telah bersara dari bidang pendidikan formal, namun pengajaran dan penyebaran ilmu agama tidaklah pernah berakhir dari hidupnya. Beliau meninggalkan bidang pendidikan kerana dilantik menjadi Qadhi jajahan Kota

<sup>31</sup> Temuramah dengan Ustaz Yaakob bin Haron, *op.cit.*

<sup>32</sup> *Majalah Az-Zikra* (2001), Kota Bharu : Badan Redaksi. SMU(A) Maktab Pengajian Islam. Edisi ke 16, h. 15-19.

<sup>33</sup> Temuramah dengan Ustaz Yaakob bin Haron. *op.cit*

Bharu pada 1hb. Mei 1969.<sup>34</sup> Setahun sebelum berundur dari bidang pendidikan beliau telah dilantik menganggotai satu jawatankuasa lembaga yang ditubuhkan oleh MAIK bagi mengelola peperiksaan yang ditawarkan kepada semua sekolah-sekolah agama di bawah MAIK.

Lembaga tersebut diberi nama “Lembaga Peperiksaan Majlis Agama Islam Kelantan”. Penubuhan Lembaga ini adalah hasil dari permasalahan yang timbul di mana hanya *Syahādah al-Ma'had al-Muhammadi* sahaja yang diiktiraf oleh al-Azhar sedangkan semua sekolah-sekolah agama di Kelantan menggunakan sukatan dan kurikulum yang sama dengan Maahad Muhammadi. Juga disamping itu untuk mewujudkan satu bentuk peperiksaan yang seragam di antara sekolah-sekolah ini.<sup>35</sup>

Lembaga ini telah ditubuhkan pada 28hb. September 1967 oleh mesyuarat Anggota Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan. Tetapi pada tahun 1968 barulah Lembaga ini mulai menjalankan tugasnya mengendalikan peperiksaan.<sup>36</sup>

Tujuan utama Lembaga Peperiksaan ini ialah :

- i. Untuk menyelaras dan menseragamkan sistem pendidikan di sekolah-sekolah agama / Arab di dalam negeri.
- ii. Untuk menyatukan dan menyamakan secara praktikal sukatan-sukatan pelajaran sekolah-sekolah itu.

<sup>34</sup> Abdul Razak Mahmud (1996) *Dato' Haji Ismail Dalam Kenangan*, op.cit, h. 347.

<sup>35</sup> Abdul Razak Mahmud (1988), “Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan”, dalam Majalah *Pengasuh*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, bil. 495, November – Disember 1988. h. 36.

<sup>36</sup> *Ibid*.

- iii. Untuk memberi nilai yang sama kepada semua kelulusan sekolah-sekolah tersebut.
- iv. Untuk mengeluarkan sijil-sijil setara kepada pelajar-pelajar di semua sekolah agama / Arab.<sup>37</sup>

Pada 1hb. Julai 1968 suatu Jemaah Tadbir Lembaga telah dibentuk bagi tempoh dua tahun yang bermula 1hb. Jun 1968 hingga 30hb. Jun 1970 untuk mentadbir, merancang dan menjalankan tugas Lembaga sebagaimana yang dikehendaki oleh peraturan-peraturan yang diluluskan sebelumnya. Jemaah Tadbir ini dipengerusikan oleh Tuan Haji Abdul Kadir bin Abdullah dengan Pegawai Pelajaran MAIK, Tuan Haji Hassan bin Haji Idris, menjadi setiausaha. Che Husin bin Abdul Ghani, menjadi Bendahari Lembaga. Seramai 10 orang telah dilantik menjadi Ahli Jemaah Lembaga : Dato' Nik Ishak bin Datuk Haji Nik Daud, Dato' Haji Ismail bin Yusoff, YB Ustaz Abu Bakar bin Hamzah, Drs. Abdul Ghani Azmi bin Idris, Ustaz Ismail bin Ishak, Ustaz Mohyiddin bin Haji Abdullah, Muhammad Yusuf bin Mustafa, Hassan bin Muhammad Amin, Che Ismail bin Daud dan Ustazah Hajjah Che Salamah binti Hassan.<sup>38</sup>

Peperiksaan pertama yang dikendalikan oleh Lembaga ini ialah pada tahun 1968. Seramai 776 orang calon dari berbagai sekolah agama di negeri Kelantan telah menduduki peperiksaan bagi mendapatkan dua sijil yang ditawarkan : *al-Syahādah al-Rābi'ah al-Thānawīyyah* dan *al- Syahādah al-Dīniyyah al- 'Āliyyah*. Pada tahun 1969 bilangan calon semakin bertambah iaitu seramai 974 orang calon yang

<sup>37</sup> Laporan Sepintas Lalu Mengenai Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan. Kota Bharu : Pejabat Lembaga Peperiksaan di Jabatan Sekolah-sekolah Agama Kelantan, 1969. h. 1.

<sup>38</sup> Muhammad Yunan Mahmood (1997). *op.cit*; h. 100-102.

menduduki peperiksaan Lembaga. Bilangan calon telah bertambah dari setahun ke setahun.<sup>39</sup>

Pada 1hb. Februari 1977 Lembaga Peperiksaan Agama diserah dan dipindahkan pentadbirannya dari MAIK kepada Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA)<sup>40</sup> dan kini berada di bawah pentadbiran Yayasan Islam Kelantan.

## 5. MENGAJAR DI MASJID MUHAMMADI

Masjid Muhammadi Kota Bharu yang telah dibina pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad I (1800-1835) telah menyumbang jasa yang besar dalam melahirkan golongan ulama' yang terkemuka di Kelantan dan tanah air.<sup>41</sup> Sekitar penghujung abad ke-19 dan awal abad ke-20 merupakan zaman kegemilangan pengajian Islam tradisional di Kota Bharu. Masjid Muhammadi juga merupakan tempat tumpuan para pelajar untuk mendalami ilmu agama dengan tokoh-tokoh ulamanya seperti Tok Wan Ali Kutan, Tuan Tabal, Taun Padang dan lain-lain.

Dengan berkembangnya Madrasah Jannie' Merbau al-Isma'ili pengajian di Masjid Muhammadi mula merosot sehingga di sekitar tahun 60-an Masjid Muhammadi hanya menampung kegiatan sembahyang jemaah bagi para penduduk

<sup>39</sup> Abdul Razak Mahmud (1988), "Dua Puluh Tahun Lembaga Peperiksaan Sijil Sekolah-sekolah Agama Kelantan", *loc.cit.*

<sup>40</sup> Minit Mesyuarat Jabatan Sekolah-Sekolah Agama (JASA) Kelantan. Bil. (29) dlm JASA 7/011)

<sup>41</sup> Nik Muhammad bin Nik Muhd. Salieh (1985). "Perkembangan Pendidikan Atau Pengajian Islam Di Negeri Kelantan", dalam *warisan Kelantan IV*. Kota Bharu : Perbadanan Musium Negeri Kelantan, h. 98.

sekitar bandar Kota Bharu.<sup>42</sup> Bagi menghidupkan kembali suasana ilmu di Masjid Muhammadi maka MAIK telah merangka beberapa program majlis ilmu yang disampaikan oleh tokoh-tokoh ulama' Kelantan.

Mengikut Penyata Tahunan MAIK tahun 1964, suatu program syarahan agama berkitab diadakan di Masjid Muhammadi pada setiap malam dan pagi Jumaat. Pada malam Jumaat syarahan bermula pukul 8.00 hingga 9.00 malam dan pada sebelah pagi syarahan bermula pukul 8.00 hingga 9.30 pagi. Pensyarah akan menyampaikan syarahan mereka secara bergilir-gilir mengikut jadual yang telah ditetapkan oleh MAIK.

Dato' Haji Ismail antara pensyarah yang menyampaikan syarahan disetiap pagi Jumaat di Masjid Muhammadi. Antara pensyarah lain ialah Haji Nik Mat bin Haji Wan Musa, Haji Nik Hassan bin Haji Nik Mat, Haji Mustapha bin Haji Osman dan Haji Wan Mahmud bin Haji Wan Daud. Setiap syarahan akan dibayar elauan oleh MAIK dengan kadar RM 5.00 sejam.<sup>43</sup>

Syarahan yang disampaikan oleh Dato' Haji Ismail mengenai Hadith dan ilmu Tauhid mendapat sambutan yang mengalakkkan dari para jemaah. Mengikut Penyata Tahunan MAIK, Dato' Haji Ismail telah mengajar di Masjid Muhammadi sebagai pensyarah berkitab dari tahun 1964 hingga tahun 1980.<sup>44</sup> Setelah itu beliau menjadi tenaga pengajar yang mengajar di masjid-masjid jajahan pada setiap pagi Jumaat.

<sup>42</sup> Abdul Razak Mahmud (1987), "Masjid Muhammadi Kota Bharu (1867-1987)", *op.cit*, h. 27.

<sup>43</sup> Dato' haji Muhamad Yusof bin Hasan (1964), *Penyata Tahunan Majlis Agama Islam Kelantan Bagi Tahun 1964*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 14-15.

<sup>44</sup> Dato' Haji Nik Mahmud bin Daud (1980), *Penyata Tahunan Majlis Agama Islam Kelantan Bagi Tahun 1980*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 14.

Pada tahun 1968, bagi menyemarakkan lagi majlis ilmu di Masjid Muhammadi, MAIK telah mengadakan kelas pengajian al-Quran dan pada bulan Oktober 1970 sebuah kelas yang diberi nama "Mendalami Syariah Islam" atau dalam bahasa Arabnya di sebut *Qism al-Tafaquh fi al-Din*. Seramai 10 orang pelajar diambil bagi mengikuti kelas tersebut. Tempoh pengajiannya selama 5 tahun. Mereka ditempatkan di sebuah asrama khas yang terletak di belakang pejabat MAIK dengan mempunyai kelengkapan yang cukup. Segala perbelanjaan dan keperluan pelajar tersebut ditanggung oleh MAIK.<sup>45</sup>

Guru-guru yang mengajar di kelas ini terdiri dari kalangan ulama' Kelantan yang terkenal, mereka ialah :

- i. Dato' Haji Muhd Noor bin Haji Ibrahim.
- ii. Dato' Haji Ismail bin Haji Yusuff
- iii. Dato' Nik Abdul Aziz bin Haji Nik Mat
- iv. Haji Muhammad bin Haji Daud
- v. Haji Daud Jembol<sup>46</sup>

Kelas tersebut telah mendapat sambutan yang mengalakkan dari para pelajar di sekitar Masjid Muhammadi sehingga bilangan pelajar sambilan yang mengikuti kelas tersebut secara tetap seramai 50 orang.<sup>47</sup>

<sup>45</sup> Tengku Abdul Aziz bin Tengku Mohd. Hamzah (1970), *Penyata Tahunan Majlis Agama Islam Kelantan Bagi Tahun 1970*, Kota Bharu : Majlis Ugama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan, h. 13-14.

<sup>46</sup> *Ibid.*

<sup>47</sup> Temuramah dengan YB. Ustaz Ibrahim Mahmud 55 tahun pada 28hb. April 2002 jam 5.15 petang di rumah beliau di Kg. Batu Mengkebang, Kuala Krai.

Dato' Haji Ismail ditugaskan untuk mengajar matapelajaran Hadith dengan menggunakan kitab *Sunan al-Tarmizi*, Waktu pengajarannya bermula dari pukul 9.00 hingga 10.30 pagi. 10 orang murid beliau yang menjadi perintis itu ialah : YB. Ibrahim bin Mahmod, Abdullah bin Solleh, Wan Yunus bin Wan Yusof, Nik Abdullah bin Raja Ahmad, Shukri bin Abd. Rahman, Abdul Rahman bin Yusof, Abdul Manaf, Abdullah bin Ahmad, Abdullah Pasir Bandar dan Dato' Badruddin bin Ahmad.<sup>48</sup>

Jasa dan pengorbanan almarhum Dato' Haji Ismail dalam bidang pendidikan Islam di Kelantan adalah besar. Walaupun pada peringkat umur yang agak tua disamping tugas-tugas rasmi pentadbiran namun belaiu tidak melupakan tanggungjawabnya untuk menyampaikan ilmu kepada para pelajar.

---

<sup>48</sup> *Ibid*